

PPIB realisasi konsep Kampus Ceria UMS

DE 18-01-2012 7

KOTA KINABALU: Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB) merealisasikan konsep Kampus Ceria Universiti Malaysia Sabah (UMS) dengan mewujudkan Laman Ilmu dan Laman Ceria.

Naib Canselor UMS, Brig Jen Prof Datuk Seri Dr Kamaruzaman Hj Ampang ketika merasmikan dua laman itu, hujung minggu lalu, meminta seluruh warga kampus agar menggunakan kemudahan itu bagi merangsang keseimbangan jasmani, emosi, rohani dan intelek.

"Laman ilmu yang tenang dan memiliki galeri pameran pelbagai bahan penerbitan amat sesuai untuk membuat imbasan intelek manakala laman ceria yang memiliki padang golf dan gelanggang permainan perlu digunakan untuk beriadah menyegarkan minda," kata Kamaruzaman.

Kamaruzaman seterusnya berharap agar warga kampus dapat memanfaatkan padang golf mini dalam kampus itu dengan menyisihkan masa untuk riadah dan rekreasi sebagai salah satu aktiviti senaman diri.

Upacara perasmian itu kemudian diserikan lagi dengan sambutan Tahun Baru Cina 2012 oleh warga PPIB dengan persembahan tarian singa dan jamuan ala sajian masyarakat Cina.

Terdahulu, Dekan PPIB, Lt Kol Prof Madya Dr Ismail Ali memberitahu bahawa laman ilmu yang terletak di foyer PPIB dibuka bertujuan memberikan persekitaran yang selesa kepada kalangan pelajar untuk berbincang dan membaca secara santai.

Laman itu mempunyai galeri pameran buku-buku hasil kajian tenaga akademik PPIB, skrin televisyen yang memaparkan pelbagai dokumentari, gambar-gambar kegiatan akademik serta ruang legar untuk warga kampus berinteraksi dan duduk.

"Manakala, laman ceria yang mengandungi padang golf mini, gelanggang bola tampar dan sepak takraw dibuka bagi memberikan ruang kepada seluruh warga UMS, baik kakitangan mahupun pelajar, untuk melibatkan diri dalam kegiatan



KAMARUZAMAN menggunting riben simbolik perasmian padang mini golf diiringi tarian singa menandakan sambutan Tahun Baru Cina PPIB, UMS.

senaman khususnya pada waktu petang," kata Ismail.

Padang Golf Mini PPIB (PMGC) dalam halaman seluas kira-kira 0.5 ekar mula direka berkonseptan Chip & Put 18-lubang pada Julai 2011 dan siap sebulan kemudian dengan anggaran kos termasuk peralatan kira-kira RM2,000.

Dr Dayu Sansalu yang mengetua jawatankuasa penyediaan PMGC menyatakan padang itu 90 peratus memiliki ciri-ciri layout sama dengan padang golf sebenar di mana tanda-tanda bagi indeks, jarak, outbound (OB) dan hazard diletakkan serta menggunakan rumput biasa.

Sebaik PMGC sedia digunakan, satu kursus diberikan kepada warga PPIB mengenai teknik, peraturan dan peralatan permainan golf.

Menyusuli kursus itu, dua kejohanan golf tertutup UMS diadakan sempena pembukaan rasmi PMGC baru-baru ini.

Turut hadir, Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Hj Mohd Said, Ketua Pustakawan Dg Rukiah Ag Amit, Pengarah UMSKAL, Prof Dr Shariff A.K Omang, Dekan SSS Prof Madya Hj Inon Shaharuddin Abd Rahman, Dekan SKTM, Prof Madya Dr Rosalam Hj Sarbatly, Dekan SSMP, Prof Madya Dr Sharifudin Md Shaarani dan Dekan SPL, Prof Madya Dr Mahmud Sudin.